

## **Pembanggang amalkan politik hipokrit**

### **Utusan Online**

**16 April, 2013**

PULAU PINANG 15 April - Pakatan pembangkang di negeri ini yang diterajui DAP, Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Pas bersikap hipokrit apabila menuduh Barisan Nasional (BN) mengamalkan politik perkauman.

Penyelaras BN Batu Uban, Goh Kheng Sneah berkata, tuduhan pembangkang itu tidak benar dan hanya bertujuan untuk menutup sikap buruk mereka sendiri.

"Sebenarnya, DAP dan PKR yang gemar memainkan isu perkauman dengan melaga-lagakan rakyat berbilang kaum di negeri ini dalam ceramah mereka.

"Ada sahaja tuduhan jahat terhadap BN tetapi hakikat sebenar mereka yang mengamalkan politik perkauman yang melampau dan tidak matang," katanya.

Beliau bercakap dalam sidang akhbar selepas meraikan ulang tahun ke-100 warga emas, Bedah Daud di sini semalam.

Kheng Sneah berkata, sikap hipokrit pembangkang khususnya DAP dan PKR itu dilihat tidak sesuai dalam landskap politik negara ini apabila menanam sentimen kebencian melampau.

"Sehubungan itu, rakyat perlu menilai perbuatan mereka. Adakah negara kita yang aman damai selama berpuluh-puluh tahun ini harus dikorbankan hanya kerana hasutan mereka.

'Apa yang dimiliki hari ini bukannya dalam bergolek sebaliknya usaha ini dimulakan berpuluh tahun oleh pemimpin kita terdahulu," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, BN mempunyai peluang untuk merampas semua kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Uban dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) ini.

"Kita bekerja sebaik sahaja kalah pada 2008. Ketika ini sokongan pengundi Melayu dan India di sini cenderung memihak kepada BN.

"Bagi pengundi Cina pula, mereka memberi respons positif ketika kita turun padang. Cuma kita harap sokongan itu diterjemahkan pada hari mengundi," jelas beliau lagi.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : [http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan\\_Raya/20130416/px\\_52/Pembanggang-amalkan-politik-hipokrit#ixzz2ZulzxM5s](http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130416/px_52/Pembanggang-amalkan-politik-hipokrit#ixzz2ZulzxM5s)